

Peranan Sultan Haji Ahmad Shah Al – Musta'in Billah, Pahang dalam usaha normalisasi hubungan Brunei – Malaysia 1977 – 1980

The role of Sultan Haji Ahmad Shah Al - Musta'in Billah, Pahang in the efforts to normalize relations Brunei – Malaysia 1977 – 1980

Muhamad Hanafi Muhamad Hanefa^{1*} & Ahmad Zainudin Husin²

SMK, Seri Damai, 25150, Kuantan, Pahang, Malaysia

Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: napie72@gmail.com

Received: 14 Oct 2024; **Revisions:** 25 July 2025; **Accepted:** 11 Aug 2025; **Published:** 12 Aug 2025

To cite this article (APA): Muhamad Hanefa, M. H. ., & Husin, A. Z. (2025). Peranan Sultan Haji Ahmad Shah Al – Musta'in Billah, Pahang dalam usaha normalisasi hubungan Brunei – Malaysia 1977 – 1980. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 11(2), 58-68. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol11.2.5.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol11.2.5.2025>

ABSTRAK

Artikel ini memfokuskan tentang peranan yang dimainkan oleh Kesultanan Pahang dalam aspek politik Malaysia. Perbincangan akan berkisar tentang peranan yang dimainkan oleh Kesultanan Pahang dalam mengusahakan normalisasi hubungan Malaysia dengan Brunei pada tahun 1977 sehingga 1980. Artikel ini dihasilkan dengan menggunakan kaedah sejarah dengan meneliti sumber primer terutamanya dokumen yang diperolehi daripada National Archive United Kingdom. Artikel turut disokong oleh sumber – sumber sekunder seperti jurnal, buku dan akhbar. Perbincangan artikel ini menunjukkan bahawa Kesultanan Pahang memainkan peranan penting dalam memulihkan hubungan Malaysia dengan Brunei yang agak tegang disebabkan oleh isu seperti tuntutan Limbang oleh Brunei dan pemberian suaka politik oleh Kerajaan Malaysia kepada bekas tahanan politik Brunei yang terdiri daripada ahli – ahli Parti Rakyat Brunei. Kewujudan institusi kesultanan di Malaysia dan Brunei telah memudahkan proses normalisasi hubungan Brunei – Malaysia disebabkan kedua – dua pihak berkongsi sistem politik yang sama. Artikel ini turut menunjukkan bahawa institusi kesultanan yang menjadi tunjang sistem politik di dalam negara yang mengamalkan sistem raja berpelembagaan perlu dipertahankan untuk memastikan kestabilan politik dan hubungan luar negara terutamanya Malaysia.

Kata kunci : Brunei, Malaysia, Pahang, Diplomasi

ABSTRACT

This article focuses on the role played by the Sultanate of Pahang in the political aspects of Malaysia. The discussion will revolve around the role played by the Sultanate of Pahang in working towards the normalization of Malaysia's relationship with Brunei in 1977 until 1980. This article was produced using historical methods by examining primary sources, especially documents obtained from the National Archive of the United Kingdom. Articles are also supported by secondary sources such as journals, books and newspapers. The discussion of this article shows that the Sultanate of Pahang played an important role in restoring Malaysia's relationship with Brunei which was somewhat strained due to issues such as the Limbang claim by Brunei and the granting of political asylum by the Malaysian Government to Brunei's former political prisoners consisting of members of the Brunei People's Party. The existence of sultanate institutions in Malaysia and Brunei has facilitated the normalization process of Brunei - Malaysia relations due to the fact that both sides share the same political system. This article also shows that the institution of the sultanate which is the backbone of the political system in the country that practices the constitutional monarch system needs to be defended to ensure political stability and foreign relations especially Malaysia.

Keywords: Brunei, Malaysia, Pahang, Diplomacy

PENGENALAN

Selepas keengganan Brunei menyertai Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, hubungan Brunei dengan jirannya yang terdekat iaitu Malaysia mengalami fasa yang kurang memuaskan. Perasaan kecewa kedua – dua pihak terhadap kegagalan rundingan tersebut menyebabkan hubungan Brunei dengan Malaysia yang dahulunya erat telah berubah. Keadaan ini berterusan semasa kerajaan Malaysia diketuai oleh Tun Razak dan Sultan Hassanah Bolkiah naik takhta menggantikan ayahanda baginda iaitu Sir Omar Ali Saifuddin yang merupakan pemerintah Brunei yang paling berpengaruh. Bahkan Sir Omar masih memainkan peranan yang besar dalam pemerintahan Brunei semasa pemerintahan Sultan Hassanah Bolkiah. Hubungan kedua – dua pihak bertambah tegang apabila muncul dua isu besar yang mempengaruhi hubungan kedua – dua buah negara iaitu isu tuntutan Brunei ke atas Limbang dan pemberian suaka politik kepada bekas tahanan politik Brunei yang terdiri daripada ahli – ahli Parti Rakyat Brunei yang melarikan diri ke Malaysia pada tahun 1973. Kedua – dua isu telah memberikan kesan kepada hubungan Brunei – Malaysia.

Perbincangan artikel ini akan mengupas tentang peranan yang dimainkan oleh Kesultanan Pahang terutama Sultan Haji Ahmad Shah Al – Musta'in Billah dalam usaha untuk memulihkan hubungan Malaysia dengan Brunei. Kesultanan Pahang merupakan salah satu institusi kesultanan yang ada di Malaysia. Kesultanan ini merupakan kesinambungan daripada Kesultanan Melayu Melaka yang merupakan warisan sistem politik tradisional di Malaysia. Selepas merdeka institusi kesultanan yang merangkumi kesultanan Pahang menjadi elemen penting dalam sistem pemerintahan Malaysia kerana Malaysia telah mengamalkan sistem raja berpelembagaan. Secara teorinya Brunei juga mengamalkan sistem pemerintahan beraja iaitu Kesultanan Brunei dan secara langsung menunjukkan bahawa Malaysia dan Brunei mempunyai tradisi pemerintahan yang sama. Malahan kedua – dua keluarga diraja ini juga mempunyai hubungan yang baik. Oleh itu, Kesultanan Pahang dilihat memainkan peranan yang aktif dalam memperbaiki hubungan dengan Brunei bermula pada tahun 1977 menerusi diplomasi polo. Malahan usaha ini turut mendapat sokongan daripada kerajaan Malaysia yang pada ketika itu dipimpin oleh Tun Hussein Onn. Beliau cenderung untuk mempunyai hubungan baik dengan Brunei dan perkembangan positif yang dimainkan oleh Keluarga Diraja Pahang dilihat sebagai satu peluang besar dalam usaha normalisasi hubungan Brunei dengan Malaysia. Kerajaan Malaysia melihat persamaan budaya dan sistem politik kedua – dua pihak dapat membantu dalam usaha normalisasi hubungan Brunei – Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Penghasilan artikel ini menggunakan kaedah sejarah iaitu kaedah sejarah dengan memfokuskan penganalisaan sumber – sumber primer seperti dokumen arkib sebagai tunjang utama penyelidikan. Kaedah ini meliputi empat proses iaitu heuristik, kritik, pentaksiran dan historiografi. Proses heuristik atau pengumpulan sumber menggunakan kaedah carian arkib dan perpustakaan bagi mencari sumber – sumber primer yang terdiri daripada fail arkib dan akhbar. Dokumen utama yang digunakan dalam menghasilkan artikel ini ialah dokumen *Foreign & Commonwealth Office* (FCO15, FCO24 dan FCO371) yang mengandungi maklumat terperinci tentang aspek yang dibincangkan. Selain itu, penyelidikan ini turut disokong oleh sumber – sumber sekunder yang terdiri daripada buku, jurnal dan tesis. Sumber – sumber tersebut akan dibuat proses kritikan luaran dan dalaman bagi menentukan kesahihan dan kredibiliti supaya relevan dengan hasil penyelidikan. Fakta yang diperolehi daripada sumber ini akan ditafsir untuk melihat peranan yang dimainkan oleh Kesultanan Pahang dalam usaha normalisasi hubungan Brunei – Malaysia bermula pada tahun 1977. Satu historiografi atau penulisan sejarah dibuat bagi mempersembahkan fakta yang diperolehi secara tematik mengikut kronologi.

Kajian Literatur

Terdapat dua tema popular yang menjadi pilihan pengkaji lepas dalam menyentuh tentang Kesultanan Pahang. Tema yang pertama ialah tentang sejarah Negeri Pahang itu sendiri. Pengkaji yang membincangkan tentang sejarah Negeri Pahang pasti akan menyentuh tentang Kesultanan Pahang

seperti penulisan oleh Linehan (1936) dan Farish A. Noor (2011). Kedua – dua penulis ini telah menulis dengan komprehensif tentang sejarah Kesultanan Pahang yang menjadi salah satu topik penting dalam sejarah Negeri Pahang.

Manakala tema yang kedua pula ialah berkenaan dengan sejarah dan peranan Kesultanan Pahang. Ramai penulis membincangkan peranan yang dimainkan oleh Sultan Pahang semasa zaman penjajahan British di Pahang. Wan Kamal Mujani et. al. (2014) telah membincangkan peranan yang dimainkan oleh Sultan Ahmad ketika zaman kolonisasi British di Pahang pada akhir abad ke - 19. Perbincangan penulis menjurus kepada dilema yang dihadapi oleh Sultan Ahmad dalam menghadapi perbalahan yang berlaku di antara pemerintah tempatan seperti Dato Bahaman dengan pihak kolonial British. Baginda terpaksa mengimbangi peranan baginda iaitu memberikan sokongan terhadap pemerintah tempatan yang merupakan rakyat Pahang namun pada masa yang sama baginda juga terpaksa berhadapan dengan pihak British bagi mengekalkan status quo baginda. Tema yang sama turut disentuh oleh Amnah Saayah Ismail et. al. (2019) yang turut membincangkan peranan Sultan Ahmad dalam berhadapan dengan konflik yang melibatkan pihak British dengan pemimpin tempatan Pahang. Namun demikian, Amnah Saayah Ismail lebih membincangkan tentang enam sikap Sultan Ahmad yang kelihatan dalam menghadapi isu yang melibatkan penjajahan British di Pahang. Namun demikian, jurnal oleh Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abd Rahim dan Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali (2018) pula membincangkan tentang peranan yang dimainkan oleh Sultan Pahang dalam menyemarakkan perkembangan Islam di negeri Pahang. Jurnal ini turut menghuraikan peranan Sultan Pahang berdasarkan kepada beberapa aspek iaitu Hukum Kanun Pahang dan hubungan Sultan dengan Ulama di negeri Pahang.

Justeru itu, peranan Kesultanan Pahang dalam aspek hubungan antarabangsa tidak begitu disentuh oleh pengkaji – pengkaji lepas. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan tentang peranan yang dimainkan oleh Kesultanan Pahang terutama dalam usaha normalisasi hubungan dengan Brunei. Meskipun, terdapat jurnal oleh Awang Mohd Jamil Al – Sufri yang bertajuk Hubungan Brunei dengan Pahang (1990) yang membincangkan hubungan yang wujud di antara Brunei dan Pahang yang melibatkan perkahwinan golongan diraja Brunei dan Pahang. Namun demikian perbincangan ini tidak menyentuh tentang peranan yang dimainkan oleh Kesultanan Pahang dalam memulihkan hubungan dengan Brunei berikutan isu – isu yang timbul melibatkan kedua – dua pihak selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963.

Latar belakang Kesultanan Pahang

Kesultanan Pahang secara tradisinya mempunyai hubungan dengan Kesultanan Melayu Melaka. Apabila Sultan Mansur Shah naik takhta menggantikan ayahandanya, Sultan Muzaffar Shah pada tahun 1458, baginda telah menitahkan puteranya Raja Muhammad supaya ditabalkan menjadi Sultan Pahang menggunakan gelaran Sultan Muhammad Shah pada tahun 1470 (Linehan, 1936:13 – 14). Seterusnya pada 17 September 1475 Sultan Muhammad Shah mangkat dan digantikan oleh Raja Ahmad dengan gelaran Sultan Ahmad Shah (Linehan, 1936:14). Legasi Kesultanan Pahang yang berpayungkan Kesultanan Melayu Melaka tamat apabila Sultan Abdul Ghafur mangkat pada tahun 1614 (Farish Noor, 2011:28 – 29).

Selepas terputusnya ikatan Kesultanan Pahang dengan Kesultanan Melayu Melaka, Pahang telah ditakluk oleh Kesultanan Johor - Riau apabila Sultan Abdul Jalil Shah III mengakui baginda sebagai pemerintah Johor dan Pahang (Farish Noor, 2011:29). Hal ini meletakkan Pahang dalam pengaruh Johor – Riau sehingga tahun 1824. Pada akhir pemerintahan Pahang di bawah dinasti Johor – Riau, Pahang berada dibawah pemerintahan Bendahara Ali. Selepas kemerosotan pengaruh Johor – Riau, bendahara telah mempunyai kekuasaan untuk memerintah Pahang secara bebas. Dekad – dekad seterusnya memperlihatkan persaingan kuasa keturunan bendahara untuk memerintah Pahang. Perang Saudara yang berlaku di antara tahun 1857 sehingga 1863 telah dimenangi oleh Bendahara Wan Ahmad. Pada 10 Jun 1863, Bendahara Wan Ahmad berjaya menguasai Pahang dan telah diberi gelaran Bendahara Sewa Raja Ahmad (Farish Noor, 2011:29). Bendahara Wan Ahmad kekal memerintah Pahang menggunakan gelaran Sultan Ahmad Al – Muadzam Shah dan keturunan baginda kekal membentuk institusi kesultanan Pahang.

Seterusnya semasa era perluasan kuasa Barat, pemerintah Pahang telah dipaksa untuk menerima Sistem Residen dengan pelantikan J. P. Rodger sebagai Residen Pahang pertama pada tahun

1888 (Eunice Thio, 1957:74). Pelantikan ini menandakan Pahang berada dibawah kekuasaan British. Manakala pada tahun 1895 Sultan Pahang bersama tiga orang lagi Sultan negeri Melayu telah menurunkan tandatangan ke atas Perjanjian Persekutuan 1895 untuk membentuk Persekutuan yang dikenali sebagai Negeri – Negeri Melayu Bersekutu (Abdullah Zakaria, 2017:1). Pembentukan persekutuan ini mengukuhkan lagi pengaruh British di dalam pemerintah negeri Melayu sehingga menimbulkan kebimbangan Sultan di negeri Melayu termasuklah Pahang. Bertitik tolak daripada peristiwa tersebut sebuah badan yang dianggotai oleh Raja – Raja Melayu telah ditubuhkan pada tahun 1896 iaitu Durbar (Abdullah Zakaria, 2017:5). Durbar telah menyediakan medium kepada Sultan – Sultan di negeri Melayu untuk terlibat dalam hal – ehwal pentadbiran.

Selepas era Perang Dunia Kedua, Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah ditubuhkan berikutan penolakan orang Melayu terhadap Gagasan Malayan Union. Salah satu ciri – ciri pembentukan tersebut ialah pembentukan Majlis Raja – Raja yang dianggotai oleh semua pemerintah negeri – negeri Melayu. Badan ini ditubuhkan untuk memberikan ruang sultan – sultan terlibat dalam hal ehwal pemerintah persekutuan. Bahkan sultan di negeri – negeri Melayu termasuk Pahang diberikan kuasa untuk mengesahkan undang – undang yang diluluskan di Dewan Undangan Negeri. Selepas Tanah Melayu mendapat kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Majlis Raja – Raja telah dikekalkan. Malahan satu fasal dalam perlembagaan memperuntukan jawatan Yang Dipertuan Agong dilantik oleh Majlis Raja – Raja bagi tempoh lima tahun (Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya, 1983:305). Jawatan Yang Dipertuan Agong ini akan disandang oleh semua raja – raja Melayu secara bergilir – gilir mengikut kekananan sebagai lambang ketua negara. Hal ini menunjukkan Kesultanan Pahang seperti mana negeri – negeri lain mempunyai peranan dalam hal ehwal politik persekutuan selaras dengan perlembagaan persekutuan.

Manakala pada tahun 1962 sehingga 1963, Rancangan Persekutuan Malaysia telah diutarakan oleh Tunku Abdul Rahman bagi menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu, Brunei, Singapura, Sabah dan Sarawak untuk membentuk sebuah persekutuan. Institusi Kesultanan masih menjadi tiang seri persekutuan tersebut kerana jawatan Yang Dipertuan Agong dan Majlis Raja – Raja dikekalkan. Ironinya persekutuan tersebut berjaya direalisasikan tanpa Brunei pada 16 September 1963 dan salah satunya puncanya ialah isu kekananan perlantikan Yang Dipertuan Agong (FCO 15/2743, 5 November 1980).

Hubungan Brunei dengan Malaysia selepas 1963

Selepas keengganan Brunei menyertai Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, hubungan Brunei dan Malaysia berada dalam keadaan yang kurang memuaskan. Situasi ini jelas kelihatan apabila Tunku Abdul Rahman bertindak memanggil pulang pegawai Malaysia yang berkhidmat di Brunei pada perhujung tahun 1963 (FCO 24/1679, 3 September 1973). Malahan polisi Tunku ini turut mendapat perhatian British kerana mereka mengharapakan Tunku tidak akan memanggil pegawai Malaysia pulang kerana peluang untuk Brunei menyertai Persekutuan Malaysia akan tertutup sama sekali (FO 371/169691, no 38, 18 Jul.1963).

Situasi ini berterusan semasa pentadbiran Tun Abdul Razak yang menggantikan Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri pada 22 September 1970 (Rozeman Abu Hassan, 2003:38). Semasa pentadbiran Tun Razak terdapat dua isu yang mempengaruhi hubungan Brunei dan Malaysia iaitu pertama tuntutan ke atas Limbang oleh Brunei. Isu Limbang ini bermula apabila Sir Omar Ali Saifuddin III berucap secara terbuka di majlis perasmian pameran buku di Biro Bahasa dan Kesusasteraan, Bandar Seri Begawan pada September 1970 (Nani Suryani, 2006:111). Baginda menyatakan bahawa pelukis peta tidak perlu melukis sempadan di antara Brunei dengan Limbang kerana kedua – duanya merupakan satu wilayah yang sama.

Sir Omar Ali Saifuddin III dilihat memberikan keutamaan terhadap tuntutan Limbang. Hal dapat dilihat apabila baginda sering membangkitkan isu Limbang apabila mengadakan pertemuan dengan pihak British. Pada September 1973, Sir Omar bersama – sama dengan Sultan Hassanul Bolkiah telah mengadakan pertemuan dengan Anthony Royle, *Parliamentary Under – Secretary for Foreign and Commonwealth Affairs* di London (FCO 24/1679, 2 Oktober 1973). Semasa pertemuan tersebut, Sir Omar memberikan penegasan bahawa isu tuntutan Limbang merupakan hal ehwal agama Islam dan isu tersebut perlu diselesaikan mengikut lunsar – lunsar Islam (FCO 24/1679, 2 Oktober 1973). Menurut Sir Omar lagi wilayah Limbang telah dirampas secara tidak sah daripada Brunei dan wajib dipulangkan

kembali (FCO 24/1679, 2 Oktober 1973). Sir Omar mencadangkan supaya diadakan pertemuan tiga pihak melibatkan Brunei, Malaysia dan British bagi membincangkan tentang isu Limbang.

Sir Omar turut meminta agar British memainkan peranan mereka membantu Brunei menyelesaikan isu Limbang. British yang sememangnya keberatan untuk terlibat di dalam isu tersebut menekankan bahawa British tidak mempunyai hak untuk mencampuri urusan wilayah yang berada di bawah kedaulatan Malaysia. Namun demikian, British berpendapat bahawa sebagai pihak yang bertanggungjawab ke atas urusan luar Brunei, British hanya mampu untuk menyampaikan permintaan Sir Omar kepada pengetahuan kerajaan Malaysia (FCO 24/1679, 2 Oktober 1973).

Berikutan daripada perkara ini, Anthony Royle telah menulis surat kepada Tun Razak yang bertarikh 2 Oktober 1973 dengan salah satu tujuan untuk menyampaikan pendirian Sir Omar tentang isu Limbang (FCO 24/1679, 2 Oktober 1973). Surat tersebut kemudiannya dibalas oleh Tun Razak menerusi surat beliau yang bertarikh 14 Disember 1973 (FCO 24/1679, 14 Disember 1973). Di dalam surat tersebut Tun Razak menegaskan bahawa kerajaan Malaysia tidak akan melayan sebarang tuntutan untuk membincangkan berkenaan dengan isu tuntutan Limbang. Malahan Tun Razak juga menolak sama sekali pandangan Sir Omar yang menyatakan bahawa isu Limbang merupakan persoalan agama Islam (FCO 24/1679, 14 Disember 1973). Pertembungan pandangan kedua – dua pemimpin ini telah menyebabkan isu Limbang menjadi semakin hangat.

Isu Limbang juga bertambah parah kerana tindakan Sir Omar yang gemar mengadakan lawatan ke kawasan Limbang. Menurut sumber British, Sir Omar telah mengadakan lawatan peribadi ke Limbang menerusi jalan air pada 21 Mac 1974 (FCO 24/1962, 29 Mac 1974). Tambahan pula, terdapat laporan yang menyatakan bahawa Sir Omar telah mengeluarkan ucapan semasa berada di Limbang yang merupakan rentetan perang mulut di antara baginda dengan Abdul Rahman Yaakub, Ketua Menteri Sarawak (FCO 24/1962, 25 April 1974).

Isu lawatan Sir Omar turut mencuri perhatian Kementerian Luar Malaysia. Tan Sri Zaiton Ibrahim Ketua Setiausaha Kementerian Luar Malaysia telah menulis surat kepada Pesuruhjaya Tinggi British di Malaysia, Sir Eric Norris melahirkan rasa kurang senang susulan lawatan Sir Omar ke Limbang pada 12 Mac 1974 (FCO 24/1962, 17 April 1974). Tan Sri Zaiton melihat tindakan Sir Omar ini kurang sesuai kerana pada ketika ini hubungan Brunei – Malaysia berada pada tahap yang kurang memuaskan. Tan Sri Zaiton mengharapkan British sebagai pihak yang bertanggungjawab ke atas perihal hubungan luar Brunei dapat memainkan peranan yang sewajarnya dalam isu ini dengan memberikan peringatan kepada Brunei.

Tun Abdul Razak pula pada 22 April 1974 telah mengeluarkan kenyataan di Dewan Rakyat yang menyatakan bahawa Limbang merupakan sebahagian daripada Malaysia apabila Sarawak secara rasmi menyertai Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963 (FCO 24/1962, 23 April 1974). Justeru itu, Malaysia tidak akan sekali – kali melayan tuntutan mana – mana pihak ke atas Limbang yang merupakan sebahagian daripada wilayah Sarawak.

Pendirian tegas Malaysia telah menyebabkan kekecewaan kepada Sir Omar. Perkara ini ini telah disampaikan oleh Sir Omar kepada Malcolm MacDonald (FCO 24/1962, 29 Ogos 1974). Baginda menyangkal pernyataan Tun Razak yang menuruk baginda cuba untuk mengelak daripada membincangkan isu Limbang. Sir Omar turut menolak sama sekali pandangan Tun Razak yang menyatakan bahawa isu Limbang bukan isu agama. Hal ini kerana Sir Omar berhujah bahawa Limbang telah dirampas secara tidak sah dari Brunei dan tindakan Malaysia menjadikan Limbang sebagai wilayah mereka sama dengan analogi seseorang telah menyimpan barangan yang telah dicuri (FCO 24/1962, 29 Ogos 1974). Malahan di dalam surat itu juga Sir Omar menegaskan sekali lagi bahawa Brunei tidak akan sekali – kali mengugurkan tuntutan mereka ke atas Limbang malahan akan berusaha sedaya upaya bagi menuntut wilayah tersebut.

Usaha ini jelas kelihatan apabila Sir Omar mengemukakan idea agar satu pertemuan melibatkan Brunei, Malaysia dan British diadakan di London bagi membincangkan isu tuntutan Limbang (FCO 24/1963, 6 Disember 1974). Bahkan, Sultan Brunei turut menulis surat kepada Pesuruhjaya Tinggi British bagi Brunei berkenaan dengan idea tersebut pada 7 November 1974 (FCO 24/1963, 6 Disember 1974). Namun demikian cadangan ini tidak dapat dilaksanakan kerana Malaysia tetap tegas dengan pendirian mereka untuk tidak akan melayan sebarang tuntutan ke atas Limbang.

Isu kedua yang timbul melibatkan Brunei – Malaysia ialah berkenaan dengan isu pemberian suaka politik kepada bekas tahanan Brunei yang terdiri daripada ahli – ahli Parti Rakyat Brunei (PRB). Pada 12 Julai 1973, lapan orang bekas tahanan politik Brunei telah melarikan diri ke Kuching melalui

Limbang (Habib Buhigiba, Suffian & Mohd, 2019:50). Manakala daripada Kuching, kumpulan tersebut telah bergerak ke Kuala Lumpur dan diberikan suaka politik oleh Kerajaan Malaysia (Leifer, 1978:248). Kumpulan ini diketuai oleh Zaini Ahmad yang merupakan Naib Presiden PRB sebelum beliau ditahan di Kem Tahanan Berakas. Kumpulan ini juga terdiri daripada Sheikh Salleh, Yassin Affendi, Omar Tamin, Osman Latiff, Abdul Samad Jamaludin, Ghani Matusin dan Yusof Ibrahim (FCO 24/1970, 14 Februari 1974). Selain itu, kumpulan ini juga telah mendapat bantuan daripada dua lagi individu iaitu Mahmood Mushidi Osman dan Awangku Hamzah yang merupakan saudara kepada Azahari untuk melarikan diri daripada kem tahanan tersebut ((FCO 24/1970, 14 Februari 1974).

Tun Razak (Perdana Menteri Malaysia) melalui satu sidang akhbar memaklumkan bahawa sepuluh orang individu tersebut telah memohon suaka politik daripada kerajaan Malaysia (Berita Harian, 26 Julai 1973:12). Oleh itu, Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk menerima permohonan tersebut selaras dengan undang – undang dan amalan antarabangsa (Berita Harian, 27 Julai 1973:1). Namun demikian kesemua individu tersebut tidak boleh terlibat dengan sebarang kegiatan politik dan perlu kekal di Semenanjung Malaysia. Perkara ini ditegaskan oleh Tan Sri Zaiton kepada Pesuruhjaya Tinggi British bagi Malaysia, J. Johnston pada 20 Julai 1973 manakala pada 11 September 1973, beliau menyatakan perkara yang sama kepada Anthony Royle (FCO 24/1971, 24 Jun 1974).

Tindakan Malaysia memberikan suaka politik kepada ahli – ahli PRB menimbulkan rasa kurang senang pihak Brunei. Sir Omar sendiri mula menunjukkan sikap yang agak keras terhadap Malaysia selepas daripada peristiwa tahanan – tahanan tersebut melarikan diri ke Malaysia (FCO 24/1962, 18 April 1974). Hal ini kerana Sir Omar percaya Zaini Ahmad melakukan kegiatan subversif semasa berada di Malaysia. Kemarahan Sir Omar turut berkaitan rapat dengan dakwaan bahawa tahanan tersebut mendapat bantuan daripada warden yang merupakan warganegara Malaysia (FCO 24/1962, 29 Ogos 1974). Perkara ini telah menyebabkan hubungan Brunei – Malaysia berada pada tahap yang sangat tegang dalam sejarah kedua – dua pihak (Berita Harian, 28 Julai 1973:11).

Kemarahan tersebut bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana Zaini Ahmad sendiri telah cuba menghidupkan kembali perjuangan PRB di Malaysia. Kenyataan ini dikeluarkan oleh Zaini semasa beliau bertemu dengan Tim Scott, Setiausaha Kedua Pesuruhjaya Tinggi Australia (FCO 24/1971, 9 Julai 1974). Zaini menyatakan bahawa perjuangan PRB dihidupkan kembali di Kuala Lumpur bagi menyediakan medium kepada rakyat Brunei berjuang untuk kemerdekaan sekali gus mengelakkan tragedi berdarah yang berlaku semasa Pemberontakan Brunei 1962 dapat dielakkan daripada berulang (FCO 24/1971, 9 Julai 1974). Pada Jun 1974, satu mesyuarat telah diadakan di rumah Yassin Effendy di Jalan Gasing, Selangor yang dihadiri oleh ahli – ahli PRB yang berpengaruh seperti Zaini Ahmad (FCO 24/2097, Mac 1975). Di dalam mesyuarat tersebut satu keputusan telah diambil iaitu memilih ahli jawatankuasa tertinggi PRB yang terkini. Antara nama – nama besar yang dipilih ialah A.M. Azahari sebagai pengerusi dan Zaini Ahmad sebagai timbalan pengerusi. Manakala Yassin Efenddy dan Sheikh Salleh masing – masing dilantik sebagai setiausaha agung dan bendahari kehormat (FCO 24/2097, Mac 1975).

Laporan daripada Brunei menyatakan bahawa PRB melakukan kegiatan – kegiatan seperti mengibarkan bendera Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) dan mengedarkan risalah subversif pada tahun 1974 (FCO 24/1971, 2 Oktober 1974). Manakala G.E. Coster, Ketua Unit Cawangan Khas Brunei menyebut bahawa Yassin Efenddy, Othman Latiff dan Omar Tamin bergerak aktif di Sarawak terutama kawasan yang berhampiran dengan Brunei (FCO 24/1971, 17 Julai 1974).

Manakala Laporan Keselamatan yang bertarikh 26 April 1975 menyebut bahawa aktiviti PRB di Malaysia mempunyai dua fasa. Fasa pertama aktiviti PRB bersifat setempat meliputi kawasan – kawasan seperti Kuala Lumpur dan Sarawak (FCO 24/2108, 26 April 1975). Fasa ini memperlihatkan ahli – ahli PRB seperti oleh Yassin Effendy dan Omar Tamin mengedarkan risalah berkaitan PRB di kawasan seperti Limbang. Manakala fasa kedua pula, aktiviti PRB lebih bersifat antarabangsa. Pada fasa ini, ahli – ahli tertinggi PRB seperti A.M. Azahari, Zaini Ahmad dan Yassin Effendy menghantar memorandum, petisyen dan surat kepada badan – badan dunia seperti Pertubuhan Bangsa – Bangsa Bersatu, Pertubuhan Hak Asasi Manusia Sedunia dan Kerajaan British (FCO 24/2108, 26 April 1975). Manakala pada tahun 1975 pula, PRB turut menghantar memorandum kepada pertubuhan Komanwel (FCO 24/2108, 26 April 1975).

Selain itu terdapat bukti yang menunjukkan PRB juga cuba untuk mendapatkan sokongan daripada masyarakat Islam. A.M. Azahari telah mengutus surat kepada Liga Arab pada 26 Mac 1975 dan Setiausaha Agung Liga Arab, Mahmoud Riad membalas surat tersebut (FCO 24/2108, 18 Mei

1975). Cubaan Azahari ini dilihat positif kerana Mahmoud Riad berharap agar rakyat Brunei mempunyai peluang untuk menentukan nasib sendiri (FCO 24/2108, 18 Mei 1975). Selain itu, pada Mei 1975, delegasi PRB telah mengadakan lawatan ke Arab Saudi untuk berjumpa dengan Pemerintah Arab Saudi iaitu Raja Khalid Bin Abdul Aziz Al-Saud manakala di dalam laporan yang sama menyebut bahawa delegasi ini turut mengadakan pertemuan dengan dengan Shaikh Muhammad Salih Qazzaz, Setiausaha Agung Liga Muslim (FCO 24/2109, 5 Jun 1975).

Aktiviti – aktiviti PRB selepas peristiwa pemberian suaka politik oleh kerajaan Malaysia menunjukkan bahawa mereka cuba untuk menghidupkan kembali perjuangan mereka untuk memerdekakan Brunei dengan sepenuhnya dengan menjadikan Malaysia sebagai pusat operasi mereka. Objektif utama PRB ialah mewujudkan negara Brunei yang merdeka menggunakan sistem raja berpelembagaan dan demokrasi berparlimen (Nani Suryani, 2006:143). Aktiviti – aktiviti yang dilakukan oleh ahli PRB ini telah menyebabkan hubungan Brunei – Malaysia menjadi semakin dingin. Hal ini kerana ahli – ahli PRB juga bergerak di kawasan Limbang yang menjadi pertikaian di antara Brunei dengan Malaysia. Namun demikian, keadaan menjadi semakin meruncing kerana isu Limbang lebih bersifat isu sempadan berbanding isu yang melibatkan PRB yang dilihat dari sudut pandang Brunei sebagai isu keselamatan. Justeru itu, Brunei terutama Sir Omar telah memberikan perhatian yang serius berkenaan isu ini sekali gus menyebabkan hubungan Brunei dengan Malaysia semakin kritikal. Pihak Malaysia pula sememangnya dari awal menyedari bahawa tindakan mereka memberikan suaka politik terhadap bekas tahanan Brunei akan menyebabkan isu Limbang menjadi semakin hangat (Habib Buhigiba, Suffian & Mohd, 2019:51). Namun demikian Malaysia melihat perkara tersebut sebagai satu strategi untuk mengalih tumpuan Brunei daripada isu Limbang dan memberikan perhatian kepada aktiviti – aktiviti yang dijalankan oleh ahli PRB di Malaysia (Habib Buhigiba, Suffian & Mohd, 2019:51).

Kesan isu hubungan Brunei dan Malaysia

Dua isu yang timbul ini memberikan kesan yang sangat signifikan kepada hubungan Brunei – Malaysia. Hubungan kedua – dua pihak yang berjiran tersebut menjadi renggang dan dingin. Kesan yang paling utama akibat daripada kedua – dua isu tersebut ialah berlakunya perbezaan pendapat di antara pemimpin kedua – dua pihak terutamanya Sir Omar dan Tun Razak. Perbezaan pendapat ini jelas kelihatan dalam isu tuntutan Limbang oleh Brunei. Tun Razak mempunyai pendirian yang sangat tegas untuk tidak akan sekali – kali melayan sebarang tuntutan ke atas Limbang sekali gus mengelakkan sebarang perbincangan berkenaan dengan Limbang diadakan manakala Sir Omar berpendapat sebaliknya (FCO 24/1679, 1 November 1973). Keengganan Tun Razak untuk mengadakan perbincangan tentang isu Limbang menyebabkan Sir Omar meragui keikhlasan Malaysia untuk mempunyai hubungan baik dengan Brunei. Hujah Sir Omar ialah jika Malaysia ikhlas dalam kenyataan mereka untuk menjalinkan hubungan yang baik dengan Brunei, Tun Razak sepatutnya bersedia untuk membincangkan tentang isu Limbang berdasarkan hukum hakam Al – Quran (FCO 24/2096, 6 Februari 1975).

Malahan isu Limbang ini juga telah membawa kepada siri perang mulut melibatkan Sir Omar dengan Ketua Menteri Sarawak Abdul Rahman Yaakub. Siri perang mulut yang melibatkan kedua – dua figura ini berpunca daripada aktiviti lawatan yang Sir Omar lakukan ke kawasan Limbang (FCO 24/1962, 16 April 1974). Disamping itu, tindakan Sir Omar mengeluarkan kenyataan menyerang Tun Razak dan dua kenyataan provokasi berkenaan dengan isu Limbang (FCO 24/1962, 18 April 1974). Abdul Rahman Yaakub pula mengeluarkan kenyataan berkaitan dengan Limbang bermula pada 6 Mac 1974 sehingga 7 April 1974. Terdapat lebih kurang 12 kali beliau membuat ucapan yang berbau provokasi. Malahan beliau telah berucap secara terbuka tentang Limbang di Sibu dan Miri pada bulan Mac 1974 (FCO 24/1962, 18 April 1974). Manakala Abdul Rahman Yaakub turut berucap di Limbang pada penghujung Mac 1974 (FCO 24/1962, 18 April 1974). Ketika beliau berkunjung ke Limbang terdapat sesi bertemu penduduk dan perarakan aman menyebabkan ucapan tersebut telah diketahui oleh pihak media. Terdapat lebih kurang 20 kali ucapan beliau telah dilaporkan di dalam akhbar seperti Utusan Melayu, Straits Times dan Sarawak Tribune (FCO 24/1962, 18 April 1974).

Seterusnya Sir Omar pula telah dilaporkan mengeluarkan ucapan provokasi sebanyak 6 kali. Satu ucapan telah dikeluarkan oleh Sir Omar pada 30 Januari 1974, dua pada bulan Februari masing – masing pada 3 dan 23 Februari 1974, dua pada bulan Mac iaitu pada 21 dan 27 Mac dan akhir sekali satu kenyataan telah dikeluarkan pada 4 April 1974 (FCO 24/1962, 25 April 1974). Disamping itu,

ucapan yang baginda keluarkan pada 21 Mac 1974 adalah semasa baginda melawat kawasan Limbang FCO 24/1962, 25 April 1974).

Perang mulut ini menyebabkan hubungan Brunei dan Sarawak menjadi sangat dingin. Hal ini kerana kenyataan yang dikeluarkan oleh Abdul Rahman Yaakob pada 8 dan 21 Mac 1974 sangat agresif (FCO 24/1962, 29 Mac 1974). Bahkan, akibat daripada perang mulut ini, Sultan Brunei telah menulis surat bantahan kepada Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei supaya membuat bantahan rasmi kepada kerajaan Malaysia (FCO 24/1962, 29 Mac 1974). Hubungan kedua – dua figura ini juga sangat parah kerana permasalahan Limbang juga membuat mereka berdua tidak menyukai antara satu sama lain (FCO 24/2096, 19 Februari 1975).

Seterusnya hubungan Brunei – Malaysia berterusan menjadi parah apabila tindakan Malaysia memberikan suaka politik kepada bekas tahanan Brunei yang melarikan diri ke Malaysia. Peter Gautrey, Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei melihat sikap Sir Omar agak keras terhadap Malaysia selepas peristiwa tahanan tersebut melarikan diri ke Malaysia (FCO 24/1962, 18 April 1974). Sir Omar percaya bahawa Malaysia memainkan peranan dalam membantu tahanan tersebut melarikan diri ke Malaysia dan mereka juga percaya Malaysia mempunyai niat yang buruk terhadap Brunei kerana jaminan untuk Zaini Ahmad tidak terlibat dengan aktiviti politik dan diletakkan di bawah pemantauan rapi tidak dilakukan seperti mana yang dijanjikan (FCO 24/1962, 18 April 1974).

Kebimbangan Brunei terhadap aktiviti PRB ini juga menyebabkan Brunei telah mengeluarkan arahan supaya pelajar – pelajar Brunei di Malaysia dipanggil pulang ke Brunei dengan serta – merta (FCO 24/1970, 2 Januari 1974). Arahan ini turut tertakluk kepada pelajar yang berada pada tahun akhir. Tindakan Sir Omar yang tegas ini berkait rapat dengan kebimbangan baginda ahli – ahli PRB akan menjalankan kegiatan subversif terhadap pelajar Brunei di Malaysia. Menurut laporan daripada pihak Brunei terhadap usaha daripada Zaini Ahmad dan PRB untuk berhubung dengan seorang pelajar Brunei di Pulau Pinang dan dua orang di MARA (FCO24/1970, 9 April 1974). Selain itu, Kerajaan Brunei turut mengambil langkah resposif dengan tidak memperbaharui permit kerja warganegara Malaysia di Brunei hasil daripada reaksi kurang senang Sir Omar akibat daripada isu yang melibatkan PRB (FCO 24/1679, 31 Ogos 1973).

Respon – respon dingin yang dikeluarkan oleh pihak Brunei bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana Brunei terutama Sir Omar kecewa dengan Kerajaan Malaysia yang dianggap tidak cuba untuk menghalang ahli – ahli PRB daripada terlibat daripada kegiatan politik (FCO 24/1970, 5 Mac 1974). Keadaan ini menyebabkan Brunei percaya bahawa Kerajaan Malaysia terlibat dalam konspirasi terhadap Brunei dan segala bentuk aktiviti yang cenderung menyokong PRB adalah satu bentuk serangan ke atas Brunei (FCO/1962, 26 Mac 1974). Isu yang melibatkan PRB juga turut berkait rapat dengan isu Limbang. Hal ini kerana Sir Omar kecewa dengan tindakan British yang menyekat baginda untuk bersuara tentang isu Limbang tetapi tidak melakukan perkara yang sama kepada Malaysia berkenaan dengan isu bekas tahanan PRB yang bebas bergerak sedangkan mereka sepatutnya kekal di Semenanjung Malaysia (FCO 24/1970, 9 Mac 1974). Sir Omar percaya Kerajaan Malaysia boleh menghalang ahli -ahli PRB daripada bergerak bebas kecuali mereka sengaja membiarkan perkara tersebut berlaku (FCO 24/1970, 9 Mac 1974).

Kedua – dua isu yang timbul ini telah memberikan kesan yang sangat kritikal dan meletakkan hubungan Brunei – Malaysia berada pada tahap yang sangat rendah. Hal ini ditambah pula dengan kedudukan pemimpin Brunei dan Malaysia terutamanya Sir Omar dan Tun Razak yang mempunyai pandangan yang bertentangan di antara satu sama lain. Sir Omar pada satu sisi menjadikan tuntutan Limbang sebagai keutamaan manakala Tun Razak sangat sangat untuk tidak melayan tuntutan tersebut. Polisi kerajaan Malaysia yang agak longgar terhadap aktiviti PRB di Malaysia memburukkan lagi keadaan. Brunei percaya PRB mempunyai motif yang negatif terhadap Brunei dan tindakan Malaysia yang longgar dianggap sebagai satu bentuk serangan oleh Malaysia terhadap Brunei.

Peranan Sultan Haji Ahmad Shah Al – Musta'in Billah, Pahang dalam memulihkan hubungan Brunei – Malaysia

Selepas Tun Razak meninggal dunia pada 14 Januari 1976, tempat beliau telah digantikan oleh Tun Hussein Onn pada 15 Januari 1976. Perubahan kepimpinan Malaysia ini telah menyebabkan berlakunya perubahan dasar luar Malaysia terhadap Brunei. Tun Hussein Onn dilihat mempamerkan tindakan yang lebih mesra apabila berhadapan dengan Brunei (FCO 24/2264, 1 Julai 1976). Tun Hussein Onn mula

mengambil langkah untuk memperbaiki hubungan dengan Brunei. Perkara ini dapat dilihat apabila Tun Hussein Onn telah mengeluarkan peringatan agar rakyat Brunei di Malaysia tidak terlibat dalam sebarang aktiviti yang mengganggu kepentingan Brunei dan British dan ini dilihat sebagai satu bentuk sekatan ke atas PRB (FCO 15/2272, 4 Januari 1977).

Namun satu perkara yang menarik ialah usaha normalisasi ini turut dibantu oleh usaha golongan diraja seperti Kesultanan Pahang. Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al – Musta'in Billah menggunakan kebijaksanaan baginda menggunakan sukan polo untuk menyelesaikan konflik di antara Brunei dengan Malaysia. Tindakan ini dipanggil “diplomasi polo.” Sukan polo digunakan sebagai instrumen diplomatik kerana Sultan Ahmad Shah menyedari bahawa Sultan Brunei turut meminati sukan polo. Bahkan menurut British, hubungan keluarga Diraja Malaysia terutamanya Pahang dengan keluarga Diraja Brunei menjadi semakin erat dan berlaku dengan pantas disebabkan oleh sukan polo (FCO 15/2742, 22 April 1980).

Langkah awal yang dilaksanakan oleh Sultan Haji Ahmad Shah yang ketika itu merupakan timbalan Yang Dipertuan Agong, ialah membuat jemputan peribadi kepada Sultan Brunei untuk hadir ke Pahang untuk menyertai perlawanan polo. Sumber daripada laporan British menyebut bahawa Sultan Brunei bersetuju untuk menghantar pasukan polo baginda ke Kuantan, Pahang pada 22 Oktober 1977 (FCO 15/2272, 13 Oktober 1977). Meskipun, Sultan Brunei tidak dapat hadir, baginda telah menghantar Perdana Wazir iaitu Putera Mohamed (adinda Sultan Brunei) untuk mewakili baginda (FCO 15/2272, 17 Oktober 1977). Jemputan oleh Sultan Ahmad Shah bukan sahaja untuk perlawanan polo sahaja tetapi juga jemputan untuk menghadiri majlis pertabalan Putera Mahkota Pahang dan juga sambutan Hari Keputeraan Sultan Pahang (FCO 15/2272, 17 Oktober 1977). Perkara ini telah membuka lembaran baru dalam hubungan Brunei – Malaysia kerana sebelum tahun 1977 hubungan Brunei – Malaysia mengalami fasa yang sangat dingin.

Seterusnya pada Februari 1979 pula, Sultan Ahmad Shah yang telah mejawab jawatan sebagai Yang Dipertuan Agong telah bersama 34 kontingen telah datang ke Brunei untuk menyertai Kejohanan Polo Antarabangsa dan pada tahun yang sama Sultan Ahmad Shah telah menjemput Sultan Brunei untuk menyertai pertandingan polo di Pekan yang mana Sultan Brunei telah hadir. (FCO 15/2743, 5 November 1980).

Usaha yang dilakukan oleh Kesultanan Pahang menerusi diplomasi polo ini memberikan impak yang positif kepada usaha normalisasi hubungan Brunei – Malaysia. Menjelang tahun 1980, hubungan Brunei – Malaysia memasuki fasa yang lebih positif. Sultan Ahmad Shah telah mengadakan lawatan peribadi ke Brunei. Delegasi yang diketuai sendiri oleh Sultan Ahmad Shah telah melawat Brunei pada 4 hingga 10 Mac 1980 bagi menyaksikan perlawanan polo yang dianjurkan oleh Sultan Brunei (FCO 15/2742, 22 Mac 1980). Bahkan, sebelum itu satu kumpulan yang hadir lebih awal telah diketuai oleh Tengku Mahkota Pahang (FCO 15/2742, 22 Mac 1980).

Satu perkara yang penting ialah delegasi Sultan Ahmad Shah telah diberikan sambutan yang besar oleh pihak Brunei menunjukkan bahawa baginda merupakan tetamu istimewa kerajaan Brunei. Malahan delegasi ini juga meliputi kumpulan yang besar iaitu seramai seramai 87 orang termasuklah beberapa orang wakil daripada Sarawak dan Sabah termasuklah Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh (FCO 15/2742, 22 Mac 1980).

Namun apa yang menarik disini, usaha Kesultanan Pahang menerusi lawatan peribadi ini telah membuka ruang kepada Malaysia memperbaiki hubungan dengan pihak Brunei. Hal ini dapat dilihat berlaku beberapa perbincangan rasmi yang melibatkan hal – ehwal ketenteraan yang mana tidak mungkin berlaku sebelum ini. Delegasi Yang Dipertuan Agong yang disertai oleh Zain Hashim (*Deputy Chief of General Staff*) dan Mohammed bin Taib, (*Chief of A Staff*) telah mengadakan pertemuan dengan Lt. Kolonel C.J. Bowden Pemangku Komander Regimen Askar Melayu Diraja Brunei (FCO 15/2742, 22 Mac 1980).

Seterusnya Tengku Rithauddeen, Menteri Luar Malaysia telah dilaporkan akan melawat Brunei pada 28 April 1980 sebagai wakil khas Yang Dipertuan Agong untuk menyampaikan mesej berkaitan dengan Hari Pertabalan Yang Dipertuan Agong yang akan berlangsung pada 10 Julai 1980 (FCO 15/2742, 24 April 1980). Ketibaan Tengku Rithauddeen telah disambut secara rasmi oleh Pengiran Lt. Kolonel Ibnu, Datuk Paduka Maharaja Lela Brunei sebagai wakil Sultan dan Pesuruhjaya Tinggi British bagi Brunei (FCO 15/2742, 30 April 1980). Tengku Rithauddeen telah berjumpa dengan Sultan Brunei pada pukul dua petang dan menyampaikan ucapan selamat daripada Yang Dipertuan Agong dan Tun

Hussein Onn dan juga jemputan rasmi kepada Sultan Brunei dan Sir Omar daripada Yang Dipertuan Agong untuk menghadiri Majlis Pertabalan baginda (FCO 15/2742, 30 April 1980).

Kemuncak kepada kejayaan diplomasi polo ini ialah Sultan Brunei bersetuju untuk menghadiri Majlis Pertabalan Sultan Haji Ahmad Shah sebagai Yang Dipertuan Agong ke-7 pada 10 Julai 1980 di Kuala Lumpur (FCO 15/2743, 5 November 1980). Ini merupakan lawatan rasmi pertama Sultan Brunei dan Sir Omar selepas tempoh 17 tahun. Hal ini merupakan pencapaian yang bermakna dalam konteks hubungan Brunei – Malaysia. Selain daripada elemen sukan polo, elemen institusi kesultanan ini sendiri membantu dalam usaha normalisasi hubungan Brunei – Malaysia. Sultan Brunei yang merupakan satu – satunya ketua negara asing yang hadir pada majlis pertabalan Sultan Ahmad Shah diletakkan duduk sebaris dengan Sultan – sultan Melayu yang lain dan baginda diberikan sambutan yang mesra oleh Sultan Ahmad Shah sebagai Yang Dipertuan Agong sekali gus merupakan ketua negara. Malahan di dalam ucapan Sultan Ahmad Shah ketika majlis pertabalan baginda, baginda menyebut secara spesifik Sultan Brunei sebagai saudara dan kehadiran Sultan Brunei akan mengukuhkan lagi hubungan sedia ada di antara Brunei dan Malaysia (FCO 15/2743, 5 November 1980).

Usaha proaktif yang digerakkan oleh Sultan Ahmad Shah telah membantu melembutkan hati Sultan Brunei dan Sir Omar dan mengubah sikap mereka terhadap Malaysia (FCO 15/2743, 5 November 1980). Sultan Brunei telah menerima jemputan lawatan peribadi oleh Yang Dipertuan Agong pada 21 sehingga 25 Ogos 1980 bersama kedua – dua adik baginda untuk bermain polo di Malaysia manakala Sultan Ahmad juga bersetuju menerima pelawaan Sultan Brunei untuk mengadakan lawatan rasmi ke Brunei (FCO 15/2743, 5 November 1980). Diplomasi polo yang dirintis oleh Sultan Ahmad Shah telah membuka lembaran baru dalam hubungan Brunei – Malaysia. Hal ini kerana iklim yang positif yang terhasil telah membuka ruang untuk pemimpin – pemimpin Malaysia untuk menggerakkan usaha normalisasi hubungan Brunei – Malaysia.

KESIMPULAN

Selepas keengganan Brunei menyertai Persekutuan Malaysia hubungan kedua – dua pihak berada di fasa yang kurang memuaskan. Selepas itu, wujud isu – isu yang melibatkan aspek sempadan dan keselamatan seperti isu tuntutan Limbang oleh Brunei dan pemberian suaka politik oleh Kerajaan Malaysia kepada ahli – ahli Parti Rakyat Brunei memburukkan lagi keadaan. Situasi ini memberikan impak yang negatif kerana Brunei dan Malaysia merupakan negara jiran tetangga yang dekat disamping berkongsi rumpun yang sama iaitu agama Islam dan budaya Melayu. Sultan Ahmad Shah daripada Kesultanan Pahang sedar akan kesan buruk mempunyai hubungan diplomatik yang dingin menggerakkan usaha normalisasi hubungan Brunei – Malaysia menggunakan pendekatan diplomasi polo. Kebijaksanaan baginda dalam berhadapan dengan permasalahan politik dan diplomasi menyebabkan hubungan Brunei dan Malaysia semakin pulih sekali gus memastikan hubungan Brunei dan Malaysia menjadi semakin erat.

RUJUKAN

- “10 pelarian diberi perlindungan politik.” (27 Julai 1973). *Berita Harian*.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (2017). “Raja dan Durbar, 1897 – 1939 : Sumbangan Raja Melayu Terhadap Agama, Tanah Air dan Melayu”. *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 45, 1-52.
- Amnah Saayah Ismail, Burhanuddin Jalal, Nurhana binti Mohamad Rafiuddin & Aida Nasirah binti Abdullah. (2019). “Kreadibiliti Sultan Ahmad dalam Peristiwa Pemberontakan Pahang (1891 – 1895)”. Dicapai daripada lawang sesawang <https://www.researchgate.net/>
- Andaya, B. W. & Andaya, L. Y. (1983). *Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Macmillan Publishers (M) Sdn. Bhd.
- Brunei, KL tegang?. (28 Julai 1973). *Berita Harian*.
- Eunice Thio. (1957). “The Extension of British Control to Pahang”. *Journal of the Malayan Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. 30, No. 1, 46-74.
- Farish A. Noor (2011). *From Inderapura to Darul Makmur : A Deconstructive History of Pahang*. Kuala Lumpur: Silverfish Books.
- FCO 15/2272. Political relations between Brunei and Malaysia. 1 January 1977 – 31 December 1977. The National Archives, Kew.

- FCO 15/2742. Relations between Brunei and Malaysia. 1 January 1980 – 31 December 1980. The National Archives, Kew.
- FCO 15/2743. Relations between Brunei and Malaysia. 1 January 1980 – 31 December 1980. The National Archives, Kew.
- FCO 24/1679. Political relations between Brunei and Malaysia. 1 January 1973 – 31 December 1973. The National Archives, Kew.
- FCO 24/1962. Political relations between Brunei and Malaysia. 1 January 1974 – 31 December 1974. The National Archives, Kew.
- FCO 24/1963. Political relations between Brunei and Malaysia. 1 January 1974 – 31 December 1974. The National Archives, Kew.
- FCO 24/1970. Activities of Brunei ex – detainees in Malaysia. 1 January 1974 – 31 December 1974. The National Archives, Kew.
- FCO 24/1971. Activities of Brunei ex – detainees in Malaysia. 1 January 1974 – 31 December 1974. The National Archives, Kew.
- FCO 24/2096. Political relations between Brunei and Malaysia. 1 January 1975 – 31 December 1975. The National Archives, Kew.
- FCO 24/2097. Political relations between Brunei and Malaysia. 1 January 1975 – 31 December 1975. The National Archives, Kew.
- FCO 24/2108. Activities of Brunei ex – detainees and exiled students in Malaysia and elsewhere. 1 January 1975 – 31 December 1975. The National Archives, Kew.
- FCO 24/2109. Activities of Brunei ex – detainees and exiled students in Malaysia and elsewhere. 1 January 1975 – 31 December 1975. The National Archives, Kew.
- FCO 24/2264. Political relations between Brunei and Malaysia. 1 January 1976 – 31 December 1976. The National Archives, Kew.
- FO 371/169691. Commonwealth policy on Malaysia and Borneo : UK organisation in South East Asia. 1963. The National Archives, Kew.
- Habid's Buhigiba bin Mohamad Bustaman, Suffian Mansor & Mohd. bin Samsudin. (2019). "The Struggle of the People's Party of Brunei in Malaysia, 1973 – 1979". *JATI – Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 24 (1), 49-69.
- "KL beri suaka kepada Zaini." (26 Julai 1973). *Berita Harian*.
- Leifer, Michael. (1978, April). "Decolonisation and International Status : The Experience of Brunei". *International Affairs (Royal Institute of International Affairs 1944-)*, Vol. 54, No. 2, 240-252.
- Linehan, W. (1936, May). "History of Pahang". *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 14, No.2 (125), 1-257.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abd Rahim & Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali. (2018). "Peranan Sultan dalam Perkembangan Islam di Negeri Pahang". *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 29, 51-77.
- Nani Suryani Haji Abu Bakar. (2006). *Brunei's Political Development Between 1966 And 1984: Challenges and Difficulties Over Its Security and Survival*. Tesis Phd. University of Leeds.
- Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd Jamil Al – Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar. (1990). "Hubungan Brunei dengan Pahang". Malaysia dari segi Sejarah. Dicapai daripada lawang sesawang <https://myrepositori.pnm.gov.my/handle/123456789/3536>
- Rozeman Abu Hassan. (2003). *Tun Abdul Razak Bin Dato' Hussein : Dasar Luar Malaysia 1970 – 1976*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Wan Kamal Mujani, Amnah Saayah Ismail, Izziah Suryani Arsyad @ Mat Resad & Norshima Zainal Shah. (2014). "Sultan Ahmad : The Dilemma between the Local Rebels and British Colonialists in Pahang at the End of the 19th Century". *Asian Social Science*, Vol. 10, No. 3, 205-210.